

>> KHAS > COVID-19 > 1,000 penduduk Pulau Redang dijangka terima vaksin Julai ini

1,000 penduduk Pulau Redang dijangka terima vaksin Julai ini

|| 27 Jun 2021





Proses vaksinasi terhadap penduduk di Pulau Redang itu bakal mengambil masa selama sehari.

A⁻ A⁺

KUALA TERENGGANU - Kira-kira 1,000 penduduk Pulau Redang yang layak menerima vaksin bakal disuntik melalui program Jejak Vaksin Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sejurus Terengganu menerima bekalan vaksin tambahan yang dijangka tiba Julai ini.

Dekan Fakulti Perubatan UniSZA Profesor Dr Harny Mohamed Yusoff berkata, pihaknya kini sedang melakukan persiapan awal seperti menyiapkan senarai nama penerima vaksin dengan dibantu Pejabat Daerah Kuala Nerus.

“Bagaimanapun, ia masih tertakluk kepada bila kita akan dapat vaksin tersebut. Kita difahamkan bekalan mungkin lebih banyak pada Julai nanti jadi kita harap selepas itu kita boleh adakan program di kawasan tersebut (Pulau Redang) termasuk di kawasan pedalaman yang lain.

“Lagipun kita perlu segera melaksanakan vaksinasi di kawasan pulau sebelum tibanya musim tengkujuh hujung tahun ini. Kalau masuk bulan September itu sudah susah untuk pergi. Tambahan pula, ramai penduduk di sana terlibat dalam industri pelancongan jadi pemberian vaksin ini dapat membantu memulihkan sektor pelancongan di pulau tersebut,” katanya kepada pemberita pada program Jejak Vaksin UniSZA di Sekolah Kebangsaan Kesom di sini.

Beliau berkata, proses vaksinasi terhadap penduduk di Pulau Redang itu bakal mengambil masa selama sehari atau satu setengah hari, bergantung kepada kapasiti pasukan atau bilangan sukarelawan yang terlibat.

[Baca Artikel Penuh](#)

Paling Terkini: Isu Tok Pa langgar SOP: Pemilik restoran mohon maaf kongsi gambar

vaksin Covid-19 pulau redang

Artikel Berkaitan



Calon SPM, STPM dijangka terima vaksin pada Julai

KUANTAN - Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2021 dijangka menerima dos pertama suntikan vaksin...



Lebih 129,000 lengkapkan dos vaksin Covid-19

KUALA LUMPUR - Seramai 129,110 individu dalam negara telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19...



Maritim Terengganu selamatkan lima pemancing

KUALA TERENGGANU - Lima pemancing diselamatkan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) selepas bot yang dinaiki mereka rosak di perairan...



80,366 individu terima suntikan pertama vaksin Covid-19

SHAH ALAM - Seramai 80,336 individu telah menerima suntikan pertama vaksin Covid-19 dalam fasa pertama Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)...



Bekalan pertama vaksin Covid-19 tiba di Sarawak

KUCHING - Pesawat khas yang membawa kumpulan pertama vaksin Pfizer-BioNTech untuk negeri Sarawak selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa...



Calon SPM, STPM dijangka terima vaksin, Julai

Calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) 2021 dijangka menerima vaksin pada pertengahan Julai depan

TERKINI | POPULAR

- 1 Isu Tok Pa langgar SOP: Pemilik restoran mohon maaf kongsi...
 - 2 Sembilan remaja berkonvoi motosikal dikompaun
 - 3 'Kolam tergantung lutsinar' pertama di dunia
 - 4 Berlaku layanan dua darjat
 - 5 Kartunis Aie 'Aku Hidup Dalam Blues' meninggal...
-

Newsletter

Berita Telus & Tulus hanya untuk anda setiap hari. Langgan Sekarang!

Email

Nama

Saya telah memahami dan bersetuju dengan Polisi Data Peribadi.

Langgan



ALDO Kaebeth Top Hand Bag

RM 381.90

Alora | Sponsored

SHOP >

Carara paling mudah untuk singkirkan lemak perut!

Fitoslim | Sponsored

Cawan (Sebelum Tidur), Membakar Lemak Perut Seperti Gila.

1inyakoso Enzyme | Sponsored